



UNIVERSITI
MALAYA



BUKU PANDUAN KOLEJ KEDIAMAN PERTAMA UNIVERSITI MALAYA

PEMUDAHCARA MAHASISWA
UNIVERSITI MALAYA
SESI 2018/2019





PENGENALAN

KOLEJ KEDIAMAN PERTAMA

Kolej Kediaman Pertama merupakan kolej kediaman yang tertua sekali di Universiti Malaya. Ia dibina pada tahun 1959 dan terdiri daripada tiga buah blok ketika itu iaitu Blok A, B dan C. Kumpulan pertama yang menginap di kolej ini hanya seramai 28 orang sahaja dan angka ini terus meningkat dari semasa ke semasa. Penghuninya ketika itu terdiri daripada mahasiswa tahun 3 Fakulti Sastera dan Kejuruteraan yang telah dipindahkan daripada Universiti Malaya cawangan Singapura. Dengan bertambahnya bilangan mahasiswa di Universiti Malaya ini dan bagi memenuhi keperluan tempat penginapan, maka pada tahun 1971, dua blok tambahan iaitu Blok D dan E telah dibina.

Kolej ini pada mulanya dikenali sebagai Kolej Pertama (First Residential College) kerana ia merupakan kolej yang mula-mula didirikan di kampus ini. Ia kemudiannya ditukar kepada nama Kolej Tuanku Abdul Rahman (KTAR) sempena mengambil nama D.Y.M.M Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong iaitu Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad. Pada tahun 1978, KTAR telah ditukar namanya kepada Asrama Tuanku Abdul Rahman (ASTAR). Kini, kolej ini juga dikenali sebagai Kolej Kediaman Pertama.

Semasa awal tahun 60-an, kegiatan kolej ini telah ditadbir oleh JCRC (JUNIOR COMMON ROOM COMMITTEE) yang kemudiannya digantikan oleh MBA (MAJLIS BERMESYUARAT ASRAMA) pada tahun 1975. MBA dimansuhkan dan digantikan dengan JIA (JAWATANKUASA INDUK ASRAMA) dan JTA (JAWATANKUASA TINDAKAN ASRAMA). Di bawah pentadbiran JTA, terdapat enam JKP (JAWATANKUASA PERKEMBANGAN) iaitu Kemasyarakatan, Perkhidmatan Kolej, Akademik, Kreatif, Sukan serta Kerohanian dan Adab Sopan.


Sehingga kini, terdapat perubahan nama pada kedua-dua pentadbiran kegiatan di kolej ini. Perkataan ASRAMA pada JIA dan JTA telah digantikan kepada KOLEJ iaitu JIK (Jawatankuasa Induk Kolej) dan JTK (Jawatankuasa Tindakan Kolej) yang bersamaan dengan fungsinya. Ketika itu, lima JKP yang sedia ada tetap dikekalkan tetapi diubah nama kepada Kebajikan & Kemasyarakatan, Akademik & Intelektual, Kesenian & Kreativiti, Sukan & Rekreasi serta Kerohanian & Perpaduan.

MUKADIMAH

Kolej Kediaman bukanlah sekadar dijadikan sebagai tempat penginapan, malahan ia merupakan sebuah tempat untuk menggalakkan proses pendidikan tidak formal dalam pelbagai bidang yang akan mewujudkan suasana hidup yang harmoni dan bermuafakat dalam kalangan penghuninya yang berbilang bangsa.

OBJEKTIF KOLEJ KEDIAMAN PERTAMA

Matlamat Kolej Kediaman Pertama adalah untuk menjadi sebuah kolej kediaman yang didiami oleh golongan mahasiswa yang berakhlak tinggi, serba boleh dalam kegiatan ko-kurikulum dan cemerlang dalam bidang akademik. Antara ciri-ciri yang perlu ada pada setiap penghuni kolej adalah seperti berikut :



DIMENSI PERKEMBANGAN PELAJAR DI KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI MALAYA

Kebaikan yang diperolehi dalam melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan kolej adalah :

1. Mendedahkan pelajar kepada kehidupan berorganisasi
2. Memupuk sikap bertanggungjawab, bekerjasama, amanah dan penuh keyakinan diri
3. Menambahkan lagi pengalaman dan pengetahuan untuk digunakan pada masa hadapan.

PENTADBIRAN KOLEJ

Struktur pentadbiran Kolej Kediaman Pertama terdiri daripada Pengetua, Felo, Pembantu Felo, Penolong Pengurus Asrama dan Kakitangan Am (Lampiran Gambarajah 1). Pengetua Kolej bertanggungjawab terhadap semua hal berkaitan dengan pentadbiran kolej dan dibantu secara dekat oleh Penolong Pengurus Asrama. Pengetua juga turut dibantu oleh felo-felo kolej. Setiap felo akan menjadi penasihat kepada penghuni kolej dalam segala hal berkaitan. Felo akan menjadi penyelaras aktiviti di bawah pentadbiran portfolio masing-masing. Setiap felo dan pembantu felo akan bergilir untuk bertugas pada setiap minggu dan nama felo bertugas akan dipaparkan pada papan tanda di hadapan pejabat kolej.

STRUKTUR JAWATANKUASA KOLEJ

Jawatankuasa-jawatankuasa pula ditubuhkan bagi tujuan menyelaras dan melaksanakan pelbagai kegiatan dan projek di kolej. Terdapat 3 jenis jawatankuasa iaitu :

- a. Jawatankuasa Induk Kolej (JIK) (Lampiran Gambarajah 2)
- b. Jawatankuasa Tindakan Kolej (JTK) (Lampiran Gambarajah 3)
- c. Jawatankuasa Kerja Perkembangan (JKP)

KEANGGOTAAN JAWATANKUASA

1. Jawatankuasa Induk Kolej (JIK) terdiri daripada anggota-anggota berikut :
 - a. Pengetua;
 - b. Setiausaha Kolej Kediaman, Bendahari Kolej Kediaman, Felo-felo dan Pembantu-pembantu Felo Kolej Kediaman;
 - c. Presiden, Setiausaha JTK dan Bendahari JTK;
 - d. Jawatan Timbalan Presiden boleh diwujudkan bergantung kepada keperluan kolej dan mestilah mendapat perakuan Pengetua dan kelulusan Timbalan Naib Canselor (HEPA);
 - e. Pengerusi-pengerusi JKP; dan
 - f. Tidak lebih daripada 6 orang penghuni kolej yang dilantik oleh Pengetua dan dinamakan sebagai ahli-ahli JTK Dilantik.
2. Jawatankuasa Tindakan Kolej (JTK) terdiri daripada anggota-anggota berikut :
 - a. Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha JTK dan Bendahari JTK;
 - b. Pengerusi-pengerusi JKP;
 - c. Ahli-ahli JTK Dilantik; dan
 - d. Wakil-wakil Tingkat atau Blok.
3. Jawatankuasa Kerja Perkembangan (JKP) terbahagi kepada 5 bahagian iaitu JKP Akademik & Intelektual, JKP Kebajikan & Kemasyarakatan, JKP Kerohanian & Perpaduan, JKP Kesenian & Kreativiti, JKP Sukan & Rekreasi. Setiap satu terdiri daripada anggota-anggota berikut :
 - a. Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari JKP ; dan
 - b. Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil JKP tersebut.



KEMUDAHAN – KEMUDAHAN KOLEJ

1. **Bilik TV** – terdapat bilik TV disediakan di Bilik Serbaguna (blok D).
2. **Dewan Tun Perak** – berfungsi sebagai dewan rasmi dan juga tempat berkumpul semasa aktiviti-aktiviti kolej.
3. **The Cube ASTAR** – merupakan Bilik Bacaan yang boleh memuatkan 250 pelajar pada satu-satu masa dan beroperasi selama 24 jam.
4. **Bilik VIP** – untuk pihak pentadbir dan pelajar berinteraksi, bermesyuarat dan perjumpaan dengan tetamu luar.
5. **Surau** untuk lelaki dan wanita yang boleh memuatkan 300 pelajar.
6. **Bilik-bilik mesyuarat (A & E)** dan bilik gerakan pelajar.
7. **Gelanggang Serbaguna** – boleh digunakan untuk pelbagai permainan seperti bola baling, bola keranjang, sepak takraw dan futsal.
8. **Gelanggang bola jaring.**
9. **Bilik Kostum & Props, Bilik Gamelan dan Bilik Muzik.**
10. **Tempat letak motosikal berbumbung dan tempat letak kereta.**
11. **Laman Santai** – kawasan untuk pelajar bertemu sambil melaksanakan aktiviti kolej.
12. **Kederaan rasmi kolej** iaitu dua buah van.
13. **Sistem siaran (P.A. system), ‘electronic display board’, sudut maklumat.**
14. **Kedai runcit, kedai makan dan kedai fotokopi.**
15. **Bilik pantri** yang memuatkan seterika, ‘boiler’, ‘water cooler’ dan penyidai pakaian.
16. **Mesin ‘vending’ minuman tin, air minuman & ‘water life’.**
17. **Pigeon holes** iaitu tempat di mana surat luar untuk pelajar akan diedarkan.
18. **Kemudahan internet tanpa wayar (wifi)** di setiap tingkat blok-blok kediaman pelajar dan seluruh kawasan kolej.



PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN PERTAMA

Penempatan di kolej kediaman merupakan satu KEMUDAHAN untuk pelajar, dan bukannya HAK seseorang pelajar. Sehubungan dengan ini, pelajar yang telah diberi keistimewaan untuk menetap di kolej haruslah mematuhi peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti dan juga peraturan yang tertera di bawah ini:

A PERATURAN PENGINAPAN KOLEJ KEDIAMAN

1. Penempatan pelajar di kolej kediaman akan dipilih setiap sesi berpandukan kepada garis panduan pemilihan pelajar senior sebagai penghuni kolej kediaman. Anggota panel pemilihan adalah terdiri daripada pihak pengurusan kolej sendiri.
2. Semasa mendaftar, penghuni dikehendaki untuk mengisi butir-butir kemasukan / keluar ke dalam buku rekod yang disimpan di dalam Pejabat Kolej. Kunci-kunci hendaklah dikembalikan secara rasmi ke pejabat sebelum penghuni berkenaan meninggalkan kolej.
3. Bagi mereka yang ingin menginap di kolej semasa cuti semester perlulah mengisi borang menginap semasa cuti semester yang boleh didapati di Pejabat Kolej. Tindakan akan diambil bagi mereka yang menginap secara haram semasa cuti.
4. Hanya penghuni berdaftar sahaja dibenarkan tinggal di kolej. Pengetua boleh mendakwa penghuni sekiranya didapati ada setinggalan di biliknya. Penghuni tersebut boleh dikeluarkan serta-merta dan tidak lagi dibenarkan tinggal di kolej pada masa hadapan.
5. Pihak Pengurusan Kolej boleh mengarahkan penghuni mengosongkan tempat tinggalnya yang disediakan di kolej kediaman pada bila-bila masa tanpa sebab.
6. Pihak Pengurusan Kolej boleh dari semasa ke semasa memberi apa-apa perintah atau arahan secara bertulis atau lisan yang difikirkan perlu untuk memelihara ketenteraman dan tatatertib kolej.
7. Pihak Pengurusan Kolej dan kakitangan HEPA boleh dan akan membuat pemeriksaan mengejut di kolej pada bila-bila masa.

Pemilihan penghuni

Setinggalan / penghuni haram

Pemeriksaan mengejut

B TATATERTIB KOLEJ KEDIAMAN

1. Penghuni tidak boleh berpindah bilik tanpa kebenaran secara bertulis daripada Pengetua.
2. Penghuni haruslah menjaga kebersihan bilik dan blok masing-masing dan merujuk kepada Notis Peraturan Bilik yang ditampal di blok. Sebarang aduan mengenai kebersihan boleh dilaporkan kepada wakil tingkat masing-masing ataupun secara bertulis kepada Felo Bertugas. Bakul sampah mesti diletakkan di luar bilik sebelum jam 8.00 pagi bagi staf mengutip sampah.
3. Harta benda kolej tidak dibenar dipindah atau diubah dari tempat-tempat asal yang ditentukan tanpa kebenaran Pengetua. Penghuni adalah bertanggungjawab di atas segala harta benda kolej.

Pindah bilik

Kebersihan bilik

- | | |
|--|--|
| <p>4. Penghuni bertanggungjawab menjaga harta benda kolej di dalam bilik:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Langsir – setiap bilik dibekalkan 2 helai langsir dan jika didapati hilang, penghuni akan dipertanggungjawabkan (sekiranya tidak dilapor) ● Cermin tingkap – setiap bilik dibekalkan secukupnya dan jika hilang, penghuni akan dipertanggungjawabkan (sekiranya tidak dilapor) ● Seterika – setiap tingkat disediakan sebuah seterika. Jika kemudahan disalahgunakan, setiap penghuni di tingkat berkenaan akan dipertanggungjawabkan. | |
| <p>5. Penghuni yang ingin mempamerkan sebarang poster atau kenyataan di papan notis harus mendapat kebenaran Pengetua terlebih dahulu. Notis yang ditampal harus mengandungi nama pengiklan dan harus diturunkan sendiri setelah tamat tempoh notis tersebut.</p> | <p>Menampal poster atau sebarang jenis kertas/notis</p> |
| <p>6. Penghuni tidak dibenarkan memelihara haiwan di kolej.</p> | <p>Haiwan peliharaan</p> |
| <p>7. Penghuni tidak dibenarkan untuk menggantung, menyidai atau menjemur pakaian pada tingkap-tingkap, beranda, tangga atau tempat awam kolej. Sila sidai pakaian anda di pantri ataupun di kawasan yang telah disediakan khas sahaja.</p> | <p>Penyidaian pakaian</p> |
| <p>8. Universiti Malaya adalah kawasan larangan merokok. Justeru itu, penghuni dilarang memiliki dan menghisap rokok sama sekali di mana-mana kawasan kolej dan universiti.</p> | <p>Larangan merokok</p> |
| <p>9. Penghuni tidak dibenarkan untuk membawa masuk, memiliki atau menggunakan apa-apa bahan lucah, racun, dadah, minuman keras dan bermain mercun di kolej. Penghuni juga dilarang menyimpan makanan dan membawa makanan yang haram di sisi agama Islam di kolej.</p> | <p>Kesalahan dadah diserahkan kepada pihak polis/berkuasa</p> |
| <p>10. Penghuni lelaki tidak dibenarkan memasuki kawasan yang dikhaskan untuk penghuni perempuan dan juga sebaliknya. Pihak Pengurusan Kolej adalah dikecualikan dari larangan ini semasa tugas rasmi.</p> | |
| <p>11. Penghuni dilarang untuk melakukan perkara-perkara atau aktiviti-aktiviti yang boleh mengganggu ketenteraman dan keharmonian kolej. Pihak Pengurusan Kolej dari semasa ke semasa boleh memberikan arahan yang dirasakan perlu bagi memelihara aspek ketenteraman dan tatatertib kolej.</p> | |

C TATATERTIB BERPAKAIAN

1. Etika pakaian mahasiswa/i Universiti Malaya haruslah dipatuhi sepanjang masa berada di kawasan awam kolej kediaman. (Silalah rujuk Lampiran A)
2. Penghuni haruslah berpakaian sopan setiap masa dan peka serta menghormati sensitiviti agama yang lain.
3. Penghuni tidak dibenarkan berkain pelikat kecuali berpakaian Melayu kemas (untuk lelaki) di kawasan awam. Memakai kain pelikat hanya dibenarkan untuk tujuan sembahyang dan aktiviti agama di surau sahaja. Penghuni perempuan dilarang memakai pakaian tidur di kawasan awam.
4. Penghuni lelaki tidak dibenarkan berambut panjang dan berekor. Rambut hendaklah tidak mencecah paras kolar baju.

D PERATURAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN TV

1. Penghuni hendaklah menggunakan kemudahan TV yang disediakan dengan cermat. Penghuni yang terakhir yang menonton pada satu-satu masa hendaklah memadamkan TV selepas selesai menonton.
2. Penghuni hendaklah memastikan sistem suara TV tidak mengganggu ketenteraman penghuni yang lain.
3. Penghuni juga tidak dibenarkan membuat bising semasa berada di Bilik TV sehingga mengganggu ketenteraman penghuni lain. Penghuni tidak dibenarkan berdua-duaan dalam Bilik TV.

E PERATURAN PENGGUNAAN BARANGAN ELEKTRIK

1. Penghuni dikehendaki menutup lampu, kipas dan lain-lain suis apabila meninggalkan bilik untuk mengelakkan pembaziran dan kebakaran.
2. Penghuni sama sekali tidak dibenarkan menggunakan gegelung pemanas, cerek dan seterika persendirian, televisyen dan radio yang melebihi 100 watt. Barangan elektrik yang diseludup masuk akan dirampas dan dikenakan bayaran denda.
3. Penghuni hendaklah mendaftarkan barangan elektrik mereka yang dibenarkan dibawa ke kolej.
4. Sila rujuk Lampiran B untuk jadual bayaran pendaftaran barangan elektrik dan bayaran denda.

**Barangan elektrik
terlarang**

**Pendaftaran
barangan elektrik**

F PENDAFTARAN KENDERAAN

1. Penghuni Tahun 1 dan 2 tidak dibenarkan untuk membawa kenderaan ke kampus.
2. Penghuni lain harus mendaftarkan kenderaan mereka (jika ada) dan membeli pelekat kenderaan yang disediakan oleh pihak pengurusan kolej bagi memudahkan pihak keselamatan Universiti menjalankan tugas mereka.
3. Memandangkan tempat letak kenderaan kolej adalah amat terhad, maka pembelian pelekat kenderaan adalah berdasarkan *siapa cepat dia dapat*. Keputusan muktamad akan ditentukan oleh PENGURUSAN KOLEJ
4. Harga pelekat bagi kereta ialah RM70.00 untuk satu sesi dan bagi motosikal adalah RM10.00 satu sesi.
5. Penghuni harus meletakkan kenderaan mereka di kawasan yang telah dikhaskan. Sekiranya ini tidak dipatuhi, maka kenderaan akan dirantai dan penghuni akan disaman.
6. Bagi penunggang motosikal, penghuni diingatkan supaya motosikal mempunyai jenis *silencer* bagi mengelakkan sebarang gangguan kepada penghuni lain

**Pelekat
Kenderaan**

G PERATURAN KECEMASAN

1. *Kebakaran*
Adalah menjadi tanggungjawab penghuni untuk mencegah kebakaran.
2. Latihan kecemasan kebakaran akan dijalankan dari semasa ke semasa.
3. Beberapa alat pemadam kebakaran disediakan di setiap blok iaitu:
 - Alat pemadam api (*Fire extinguisher*)
 - *Water hoses*
4. Sekiranya berlaku kebakaran, penghuni yang pertama sekali melihatnya hendaklah membunyikan loceng kebakaran dan memberitahu Felo atau Pejabat Kolej atau Pejabat Keselamatan dengan KADAR SEGERA. Sila lihat Gambarajah 4 untuk laluan kecemasan sekiranya berlaku kebakaran.
5. Penghuni dilarang sama sekali menyalahgunakan alat pemadam api dan *water hoses* yang berada di kolej.
6. *Rawatan*
Jika berlaku kecemasan yang memerlukan rawatan, Felo bertugas haruslah dihubungi. Felo bertugas bertanggungjawab untuk menghantar penghuni berkenaan ke hospital / klinik berdekatan sekiranya tiada perkhidmatan ambulan.

Kebakaran

H ADUAN PENGHUNI

1. Penghuni boleh mengemukakan sebarang aduan, komen atau cadangan melalui borang yang disediakan di Pejabat Kolej.
2. Sebarang aduan mengenai kehilangan atau kecurian harus dimajukan dengan segera ke Pejabat Kolej atau Felo bertugas.

I KEGIATAN BERDUA-DUAAN ATAU BERKUMPULAN

1. Penghuni tidak dibenarkan duduk berdua-duaan di sekitar kolej yang boleh mendatangkan curiga dan syak wasangka.
2. Sebarang perhimpunan yang melebihi 5 orang di tempat-tempat awam di kawasan kolej mestilah mendapat kebenaran Pengetua.
3. Surau kolej hanya boleh digunakan untuk mengerjakan ibadat dan lain-lain yang berkaitan dengan agama sahaja. Penghuni tidak dibenarkan mengadakan ceramah, kursus, perbincangan, jamuan makan dan lain-lain yang mencurigakan kecuali dengan kebenaran Pengetua.

Maklumat Khas

Pengetua mempunyai hak untuk mengeluarkan apa-apa arahan, perintah atau Hukuman suruhan secara lisan ataupun bertulis mengenai perkara yang difikirkan perlu atau sesuai dari semasa ke semasa.

Hukuman ke atas penghuni yang melanggar peraturan kolej:

- i. Pelajar yang didapati bersalah mengikut peraturan yang terkandung dalam panduan ini akan dikenakan denda mengikut budi bicara Pengetua.
- ii. Menurut budi bicara Pengetua, pihak berkuasa tatatertib boleh menggunakan hukuman tatatertib terus ke mana-mana penghuni yang melakukan kesalahan tatatertib di bawah peraturan kolej ini sebagai ganti mengambil tindakan tatatertib di bawah Bahagian V Kaedah-kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar) 1995 (Lampiran C).

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI
UNIVERSITI MALAYA

SURAT AKU JANJI PENGINAPAN PELAJAR DI KOLEJ KEDIAMAN

Saya No. Kad Pengenalan
No. Matrik..... No. Bilik..... Blok Kolej Kediaman
dengan sesungguhnya dan sebenarnya berjanji bahawa saya akan mematuhi Akta Universiti dan Kolej
Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya 1997, Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-
Pelajar) 1999, serta kaedah-kaedah, peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan dan dikuatkuasa oleh
Timbalan Naib Canselor (HEPA), Pengetua, Felo, pihak Pengurusan Kolej dan Pejabat Keselamatan
Universiti dari semasa ke semasa sepanjang saya menghuni di Kolej Kediaman. Maka dengan ini saya
berjanji:-

1. Tidak akan melakukan sebarang aktiviti yang bercanggah dengan undang-undang negara, peraturan
Universiti Malaya dan peraturan Kolej Kediaman semasa menghuni di Kolej Kediaman;
2. Tidak akan terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam sebarang aktiviti politik dan hal-hal
yang berkaitannya semasa menghuni di Kolej Kediaman;
3. Tidak akan merosakkan sebarang harta benda Kolej Kediaman dan harta benda Universiti Malaya dan
akan menjaga segala harta benda Kolej Kediaman dan harta benda Universiti Malaya dengan
sebaiknya;
4. Tidak akan berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh memburukkan atau mencemarkan nama
Universiti Malaya dan Kolej Kediaman;
5. Tidak akan berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah atau
arahan yang dikeluarkan oleh Pengetua atau Felo atau Pihak Pengurusan Kolej;
6. Tidak akan menganjurkan sebarang aktiviti atau program atau perjumpaan tanpa mendapat
kebenaran Pengetua atau Felo Kolej Kediaman terlebih dahulu;
7. Tidak akan terlibat di dalam sebarang aktiviti atau program atau perjumpaan yang boleh menjejaskan
keharmonian kaum di Kolej Kediaman;
8. Tidak akan terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam pembikinan atau pengedaran surat-
surat layang atau fitnah ke atas mana-mana orang di Universiti Malaya dan di Kolej Kediaman;
9. Sekiranya peralatan yang dipinjamkan dan dipertanggungjawabkan kepada saya hilang atau rosak,
maka saya akan membaikinya atau menggantikannya;
10. Akan memaklumkan kepada pihak Pengurusan Kolej Kediaman dengan segera jika tidak lagi mahu
menginap di Kolej Kediaman;
11. Akan mendaftarkan barangan atau peralatan peribadi saya mengikut kadar seperti yang ditetapkan di
dalam Jadual terlampir atau apa-apa kadar lain yang ditetapkan oleh Pengurusan Kolej Kediaman dari
semasa ke semasa;
12. Akan membayar denda mengikut kadar yang ditetapkan di dalam Jadual terlampir atau apa-apa kadar
lain yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Pihak Pengurusan Kolej Kediaman sekiranya saya
melanggar Peraturan yang ditetapkan.

Saya sesungguhnya faham bahawa dengan pelanggaran Aku Janji ini, saya boleh dikenakan tindakan
tatatertib seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib Universiti Malaya dan pihak Pengurusan
Kolej Kediaman.

Saya bersetuju bahawa apa-apa denda yang dikenakan ke atas saya akan dihantar ke Pejabat Bendahari
untuk dicaj ke dalam akaun saya.


.....
(Tandatangan Pelajar)

.....
(Tarikh)



**Pejabat Keselamatan
Universiti Malaysia
+603 - 7967 7070**

**Sila rujuk Papan
Kenyataan / Pejabat am
untuk mendapatkan
nombor telefon Pengetua, Felo
dan Pembantu Felo yang
bertugas.**



**Pusat Perubatan
Universiti Malaysia (PPUM)
+603 - 7949 4422
+603 - 7961 7070 (24 jam)**

**Unit Trauma dan
Kecemasan PPUM
+603 - 7950 2500 /
+603 - 7950 2501**

SEKIRANYA BERLAKU KECEMASAN



**Klinik Kesihatan Pelajar
Universiti Malaysia
+603 - 7967 6445**

**Klinik Kesihatan Pelajar terletak
di Bangunan Siswama (Fakulti
Sastera dan Sains Sosial) UM.**

**Waktu Operasi
ISNIN - KHAMIS
8.30 pg - 1.00 ptg | 2.00 - 5.00 ptg**


**JUMAAT
8.30 pg - 12.15 tghari
2.45 - 5.00 ptg**



**Balai Polis Pantai
+603 - 2282 2222**

**Balai Polis Brickfield
+603- 7982 4999**

**Balai Bomba dan Penyelamat
Pantai
+603 - 2282 4444**



BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI

Aras 2, Blok E, Kompleks Perandasiswa, Universiti Malaysia
Tel : +603 - 7967 3506 | Fax : +603 - 7956 7595 / 3472

**SEKSYEN
KAUNSELING & KERJAYA**
+603-7967 3322/3430/3244

**Khidmat Kaunseling & Kerjaya kepada pelajar,
Bantuan dari tabung kebajikan pelajar
(kes seperti kematian, kecurian, tempakan,
kebakaran)**

**URUSAN KEDIAMAN
& KEGIATAN KOLEJ**
+603 - 7967 3509 / 3545

***Pemasalihan bekalikan
Kolej kediaman secara am,
sila berhubung dengan
Pejabat am Kolej Kediaman
bagi maklumat khas.**

**URUSAN PENAJAAN
KEWANGAN PELAJAR**
+603 - 7967 3497 / 3410

**Sumber maklumat & urusan pemahaman
& penawaran biasiswa/tajaan/demasssya
(PPTN, JPA & lain-lain)**

Urusan bekalikan Insurans Pelajar

**URUSAN
PENGANGKUTAN**
+603 - 7967 3291

**Perkhidmatan bas dan
shuttle klinik kesihatan,
Sila rujuk laman web
HEPA untuk jadual shuttle)**

**Tempahan bas
>http://vms.um.edu.my**

**UNIT
PEMBANGUNAN
KEROHANIAN**
+603 - 7967 7750

**Rujukan bekalikan
isu-isu
tentang Islam
Tabung Zakat
Pendidikan Pelajar**

**Student Empowerment &
Research Unit (SERU)**
+603 - 7967 7044/7057

**University of Malaysia
Entrepreneurship Centre (UMEC)**
+603 - 7967 7783/7793

URUSAN LATIHAN PELAJAR
+603 - 7967 3508

URUSAN PERTUBUHAN PELAJAR
+603 - 7967 3375

URUSAN TATATERTIB & DISIPLIN PELAJAR
+603 - 7967 3290

**PEJABAT
PENTADBIRAN
ALUMNI**
+603 - 7967 4421



www.um.edu.my
www.facebook.com/UniversityOfMalaya

<http://hep.um.edu.my>
[www.facebook.com/pages/
Bahagian-Hal-Ehwal-Pelajar-Universiti-Malaya](http://www.facebook.com/pages/Bahagian-Hal-Ehwal-Pelajar-Universiti-Malaya)



hep@um.edu.my

Actuan WiFi: helpdesk.um.edu.my



PERATURAN PAKAIAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYA DRESS CODE FOR STUDENTS OF UNIVERSITY OF MALAYA

Peraturan ini dibuat dengan peruntukan kaedah 26, Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999. Peraturan ini bertujuan untuk memberi garis panduan mengenai tatacara berpakaian dan penampilan diri yang sesuai untuk dipatuhi oleh semua pelajar Universiti Malaya.

These rules are made in accordance with Rule 26, the University of Malaya (Discipline of Students) Rules 1999. The rules aim to provide guidelines on the appropriate dress code and conduct to be observed by all students of the University of Malaya.

PERATURAN | GENERAL RULES

- Setiap pelajar diwajibkan MEMAKAI KAD MATRIKS semasa menghadiri/berada di seluruh Pejabat Pentadbiran Universiti termasuk dewan kuliah dewan peperiksaan, bilik seminar, perpustakaan atau majlis rasmi.
Every student is required TO DISPLAY THEIR MATRIC CARD when attending or when they are present in the vicinity of the University's Administration Offices including lecture halls, examination halls, seminar rooms, libraries and in any formal ceremony.
- Semua pelajar dikehendaki mematuhi peraturan atau syarat pakaian yang telah ditetapkan khusus untuk tempat tertentu seperti di perpustakaan, makmal, gelanggang sukan, surau, dewan makan, di majlis rasmi universiti dan lain-lain.
Each students is required to abide by the rules indicated at specific venues such as the library, laboratory, sports arena, prayer room, dining hall, at formal university function and so forth.
- Berpakaian kemas dan sopan, contoh: baju kemeja, baju kemeja T, berseluar panjang bagi lelaki dan berbaju kurung, kebaya labuh atau pakaian etnik masing-masing atau berpakaian menutup aurat bagi pelajar Muslim; dan
Wear neat and decent attire, for instance: shirt, T-shirts, long pants for male students and baju kurung, kebaya labuh or any ethnic costumes or decent clothing approved for Muslim students, and
- Bersepatu
Shoes

PENGUATKUASAAN | ENFORCEMENT

Semua pegawai Universiti termasuk kakitangan pentadbiran, akademik, keselamatan dan perpustakaan adalah diberi kuasa memberi amaran dan menghalang pelajar yang tidak mematuhi peraturan Universiti Malaya.
All officers of the University including administrative, academic, security and library staff are empowered to issue warning and to bar any student who does not follow the rules.

YANG DILARANG PROHIBITED



Berseluar Jeans
Bercompang-
camping
Tattered/Ripped
Jeans



Berseluar Ketat
Tight Pants



Berseluar Pendak
Shorts



Baju T Bergambar
Yang Berantangan
Tatapan
T-Shirt with
Derogatory Picture/
Words



Tanpa Lengan
Sleeveless



Baju Jarang dan
Ketat
Tight and See-
Through Clothes



Mendedahkan
Bahagian Badan
Body-Revealing
Clothes



Skirt Pendak
menampakkan Lutut
Skirt that shows the
Knee



Berseluar
Flip-Flops



Rambut Yang Tidak Kemas
Unruly Hair



Aksesori Muka
Face Accessories



Berambut Wanita Fesyen Ganjil
Brightly Coloured and Odd Hairstyles



DIKELUARKAN OLEH: ISSUED BY:
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR STUDENT AFFAIRS DIVISION

TARIKH DIKELUARKAN: DATE OF ISSUANCE:
JANUARI 2012 JANUARY 2012

Lampiran B

JADUAL BAYARAN/ PENDAFTARAN DAN DENDA DI KOLEJ KEDIAMAN

Kesalahan	Bayaran Pendaftaran (satu sesi)	Denda Bagi Perlanggaran Peraturan
Komputer / Laptop / Tablet	RM20.00	RM40.00
Mesin pencetak (Printer) / Mesin Pengimbas (Scanner)		
Radio kurang 100w		
Kipas (maksimum 2 kipas setiap bilik)	RM50.00	RM100.00
Pengering Rambut (Hair Dryer)	RM10.00	RM20.00
Pengeras telefon bimbit/ Lampu Meja/ Radio Kaset/ Walkman/ MP3&MP4 Player	Tiada caj dikenakan	Tiada caj dikenakan
Televisyen, Seterika, Cerek Air, Perakam Video, Peti Ais, Pemanas Air, Periuk Nasi/ Peralatan Memasak, Ketuhar Gelombang Mikro, Mini Compo/Hifi melebihi 100w dan lain-lain barang yang tidak disenaraikan.	Tidak dibenarkan sama sekali	Dirampas
Membiarkan lampu/ kipas terbuka semasa ketiadaan di bilik.		RM10.00 atau RM5.00 bagi setiap penghuni bilik berkenaan
Pelekat kereta (Tempahan tempat letak kereta)	RM70 untuk satu sesi – Bergantung kepada KELULUSAN	
Pelekat motosikal	RM10.00	RM20.00
Meletak kenderaan di tempat yang tidak dibenarkan	Kereta : RM50.00 pada setiap kesalahan Motosikal : RM10.00 pada setiap kesalahan	
Kehilangan kunci bilik dan Kesalahan duplicate kunci bilik		RM50.00
Kehilangan/ Kerosakan langsir		RM50.00
Membuang sampah merata-rata/ membuang objek dari tingkap		RM20.00
Membenarkan orang luar tinggal di bilik tanpa kebenaran		Kesalahan kali pertama : RM50.00 Kesalahan berikutnya : dibuang dari Kolej Kediaman.
Menjemur pakaian di tempat yang tidak dibenarkan		RM5.00 sehelai
Merokok di kawasan kolej		Tindakan tatatertib
Merosakkan harta benda awam		Nilai sebenar dan RM50.00
Bilik tidak dikemas dengan baik (pada bila-bila masa)		RM50.00
Keluar dari Kolej Kediaman	Semua penghuni perlu tinggal untuk tempoh 1 semester penuh. Yuran akan dikenakan kepada semua penghuni mengikut tempoh tersebut.	

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
KAEDAH KEPADA UNIVERSITI MALAYA (TATATERTIB PELAJAR -PELAJAR) 1975

24. i) Tiada seseorang boleh memasuki atau berada di dalam bilik yang didiami oleh seseorang pelajar kecuali pelajar itu sendiri.

Dengan syarat bahawa perenggan ini tidak dipakai bagi seseorang pegawai pekerja atau agen Universiti yang memasuki bilik itu bagi maksud menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya atau bagi seseorang yang memasukinya atau berada di dalamnya mengikut sesuatu kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Pengetua.

Dan seterusnya dengan syarat bahawa perenggan ini tidak boleh disifatkan sebagai melarang seseorang pelajar daripada memasuki bilik seseorang pelajar dari jantina yang sama untuk lawatan maksud sosial yang biasa.

ii) Adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab seseorang pelajar memastikan supaya sekatan-sekatan dalam perenggan (i) dipatuhi dengan semestinya dengan bilik yang didiami olehnya.

25. Seseorang pelajar tidak boleh melakukan sesuatu untuk menghalang, menentang atau menahan seseorang pegawai pekerja atau agen universiti daripada memasuki bilik pelajar berkenaan dalam menjalankan tugas-tugas kewajipan atau tanggungjawab di dalam bilik itu.

26. Seseorang pelajar tidak boleh berada di luar kolej selepas tengah malam kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Pengetua.

27. Tidak ada seseorang pelajar lain boleh berada dalam premis kolej kecuali penghuni kolej itu sendiri selepas tengah malam kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Pengetua.

28. i) Seseorang pelajar hendaklah menggunakan premis kolej dengan cermat yang sewajarnya dan tidak melakukan sesuatu yang mencacatkan, mengotorkan atau menyebabkan apa-apa kerosakan lain kepada mana-mana bahagian, kawasan atau bangunan atau apa-apa kelengkapan di dalam kolej.

ii) Dalam menggunakan premis kolej dan kemudahan-kemudahan di dalamnya, seseorang pelajar hendaklah bersikap cermat supaya tidak menyebabkan apa-apa kesusahan, gangguan ataupun halangan kepada mana-mana pihak.

29. Jika seseorang pelajar diperuntukkan sebuah bilik di kolej oleh Universiti, ia tidak boleh berpindah ke mana-mana bilik lain tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak Pengetua.


30. i) Seseorang pelajar tinggal di sesebuah kolej adalah mengikut budi bicara serta kesukaan mutlak Universiti.

ii) Universiti berhak mengarahkan seseorang pelajar untuk mengosongkan atau berpindah ke tempat lain yang disediakan oleh Universiti pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

iii) Jika seseorang pelajar menetap dikehendaki di bawah perenggan (ii) untuk mengosongkan atau berpindah dari tempat tinggalnya, ia hendaklah mengikut arahan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti dan hendaklah ia mengeluarkan segala barang kepunyaannya daripada tempat tinggal berkenaan dalam tempoh tersebut.


31. Pengetua atau mana-mana pihak yang diberi kuasa olehnya boleh memberi arahan, suruhan ataupun perintah secara lisan mahupun bertulis yang difikirkan perlu atau sesuai untuk memelihara ketenteraman dan tatatertib dalam kolej dari masa ke semasa dan pada amnya, semua pelajar atau sesuatu golongan ataupun jenis pelajar ataupun seseorang pelajar tertentu hendaklah mematuhi dan melaksanakan segala arahan, suruhan atau perintah yang diberikan itu.

Gambarajah 1: Carta Organisasi Kolej Kediaman Pertama (mulai 16 Ogos 2018)



*Silalah rujuk laman web KK1 untuk carta organisasi terkini

Gambarajah 2 : Jawatankuasa Induk Kolej (JIK)




Petunjuk:

JTK : Jawatankuasa Tindakan Kolej

JKP : Jawatankuasa Kerja Perkembangan

Gambarajah 3: Jawatankuasa Tindakan Kolej (JTK)




Petunjuk:

JTK : Jawatankuasa Tindakan Kolej

JKP : Jawatankuasa Kerja Perkembangan

Gambarajah 4 : Pelan Laluan Kecemasan Kolej Kediaman Pertama



Sekiranya terdapat sebarang kesamaran, kemusykilan atau pertikaian tentang manamana bahagian di dalam buku panduan ini, Pengetua diberi kuasa untuk membuat keputusan muktamad.

NOMBOR-NOMBOR TELEFON PENTING

Pejabat Keselamatan UM	03-7967 3470 03-7956 7405 (Pejabat Utama) 03-7967 3582 (Kaunter 24 jam) 03-7967 7070 (Hotline 24 jam)
Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni	03-7967 3506
Klinik Kesihatan Pelajar	03-7949 2837
Balai Bomba dan Penyelamat Pantai	03-2282 4444
Balai Polis Pantai	03-2282 2222
Unit Kecemasan Pusat Perubatan UM	03-7950 2517

MAKLUMAT KOLEJ KEDIAMAN PERTAMA

Alamat Surat-Menyurat:
Kolej Kediaman Pertama
Universiti Malaya
50603 Lembah Pantai
Kuala Lumpur

Nombor Telefon:
03-7956 7898
03-7967 3415

Nombor Faks:
03-7956 6117

Laman Web:
<http://kkl.um.edu.my>



Lagu Kolej Kediaman Pertama

Pertama Selamanya

Kembangkan Sayap
Semangatmu Biar Terbang
Melayang Ke Seluruh Angkasa
Menjadi Juara Untuk
Selama – Lama
Berjaya Menjulangkan Nama
Biar Beribu Halangan
Cabaran Mendatang
Tak Usah Gentar Hadapi Segala
Usah Tunduk Pada Semua Angkara
Kitalah Yang Menentukan
Kemenangan.....

Kolej Pertama
Terbilang Di Mana – Mana
Bukan Sekadar Impian
Bukan Sekadar Mainan
Kejayaan Kan Jadi Milik Kita
Di Dalam Genggaman
Menjadi Juara....
Berusaha....

Capailah Ke Langit Yang Tertinggi
Kuatkan Jati Diri
Bangkit Dan Bersuara
Jangan Pernah Mengalah
Jangan Pernah Putus Asa
Kitalah Juara
Teruskan Bersama – Sama
Kolej Pertama

Lagu dan Lirik: **Ikhwan Zakaria**



